

Bank akan menempuh pelbagai cabaran baharu yang lebih sukar pada masa hadapan. Dengan sebahagian besar infrastruktur pembangunan kini telah pun tersedia, fasa pembangunan sektor kewangan Malaysia seterusnya akan merangkumi proses liberalisasi dan mengantarabangsakan pasaran yang lebih meluas. Semua perkembangan ini akan meningkatkan tuntutan terhadap Bank untuk memenuhi keperluan dari segi persediaan, kapasiti dan keupayaan yang lebih besar bagi membolehkan kita terus memberikan khidmat yang terbaik kepada negara.

- Gabenor Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, 8 Februari 2009

Memmbina Masa Depan

Building for the Future

Meskipun banyak yang perlu dilakukan apabila beliau menjadi gabenor, Dr Zeti telah pun melalui suatu tempoh yang mencabar. Pengalaman beliau selama lebih tiga dekad sebagai ahli bank pusat terserlah menerusi keterlibatan beliau dengan tiga krisis kewangan yang besar.

- Krisis Mekanisme Kadar Pertukaran Eropah (European Exchange Rate Mechanism, ERM) pada tahun 1992, ketika beliau bertugas sebagai ketua Pejabat Perwakilan Bank di London
- Krisis Kewangan Asia yang berpunca daripada pengaliran keluar dana asing secara mendadak dari rantau ini
- Krisis Kewangan Global pula melanda pada tahun 2008-09 yang bermula di Amerika Syarikat dan kemudiannya menular ke seluruh Eropah

Sejak dilantik sebagai Gabenor pada tahun 2000, Dr Zeti telah memulakan usaha untuk melaksanakan perubahan bersifat transformasional terhadap sistem kewangan dan juga di Bank. Beliau ingin memastikan sistem kewangan negara bukan sahaja berupaya memberikan sokongan terbaik kepada ekonomi malahan lebih berdaya tahan terhadap krisis kewangan.

While there was much to do when she became governor, Dr Zeti had already been tested through a challenging period. Her experience as a central banker was shaped by her proximity to three major financial crises over three decades.

- *The European Exchange Rate Mechanism (ERM) Crisis in 1992, when she was stationed in London as chief of the Bank's Representative Office in the city*
- *The Asian Financial Crisis that was triggered by sharp outflows of foreign funds from the region*
- *The Global Financial Crisis of 2008-09, which began in the United States and subsequently spread to Europe*

From the time she was appointed as Governor in 2000, Dr Zeti set out to spearhead transformational changes to the financial system and at the Bank. This was to ensure that the financial system would not only be able to best serve the economy but also be much more resilient to financial crises.

Gabenor Bank yang Ketujuh The Bank's Seventh Governor



Nama Penuh / Full Name:
Tan Sri Dato' Sri Zeti Akhtar Aziz



Tarikh Lahir / Date of Birth:
26 Ogos 1947 / 26 August 1947



Tempat Kelahiran / Place of Birth:
Johor Bahru, Johor



Pendidikan Tertinggi / Higher Education:
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya /
Bachelor's Degree in Economics, University of
Malaya

Sarjana Ekonomi, Universiti Pennsylvania,
Amerika Syarikat / Master's Degree in Economics,
University of Pennsylvania, United States

Doktor Falsafah dalam Kewangan dan Ekonomi
Antarabangsa, Universiti Pennsylvania, Amerika
Syarikat / Doctor of Philosophy in Finance and
International Economics, University of
Pennsylvania, United States



**Tempoh perkhidmatan sebagai Gabenor /
Tenure as Governor:**
1 Mei 2000 - 1 Mei 2016 /
1 May 2000 - 1 May 2016

Zeti Aziz